From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 10 July, 2022 8:37:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AIDILADHA DISAMBUT PENUH KESYUKURAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 JULAI 2022 / 10 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

AIDILADHA DISAMBUT PENUH KESYUKURAN



UUM ONLINE: Hari Raya Aidiladha merupakan hari kebesaran umat Islam di seluruh dunia yang disambut pada 10 Zulhijjah bagi memperingati pengorbanan agung Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail.

Tidak ketinggalan, warga kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) menyambut Hari Raya Korban dengan penuh kesyukuran berbekalkan semangat pengorbanan yang diterapkan dalam kehidupan.

Seawal pagi, Masjid Sultan Badlishah, UUM mula dipenuhi jemaah bagi mendengar khutbah dan menunaikan Sembahyang Sunat Aidiladha yang amat dituntut.

Turut menyerikan sambutan hari raya yang cukup bermakna ini ialah Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah bersama-sama pengurusan universiti, pegawai dan mahasiswa.

Beliau meluangkan masa beramah mesra dengan staf dan perantau yang tidak pulang beraya di kampung halaman ketika sesi Jamuan Hari Raya Aidiladha dengan pelbagai juadah yang disediakan Pusat Islam yang berlangsung di perkarangan masjid.

Pada Majlis Jamuan Hari Raya Aidiladha Dan Ibadah Korban Serta Akikah 1443H UUM, Haim Hilman dalam ucapan ringkasnya menzahirkan kesyukuran serta mengucapkan salam Aidiladha kepada jemaah yang hadir.

Beliau teruja menyambut hari raya yang disambut secara sederhana dalam suasana meriah penuh muhibbah di samping mengeratkan silaturahim sesama insan.

Sejurus selepas itu, beliau bersama warga kampus menyertai sesi Ibadah Korban dan Akikah serta Pengagihan Daging di Tapak Sembelihan.

Sementara itu, Pembantu Tadbir, Jabatan Bendahari, Siti Fatimah Ismail bersyukur dapat melakukan ibadah korban untuk berkongsi rezeki bersama orang miskin.

Mengenang sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim beliau berkata, Ibrah yang terkandung dalam Al-Quran menyebabkan keimanan semakin kukuh dan bertambah yakin bahawa semua ini semata-mata untuk melihat sejauh mana ketakwaan dan kekuatan kita selain mengorbankan ego serta sifat binatang seperti tamak, tidak mengenal halal dan haram.

"Betapa besarnya ganjaran ibadah korban yang disyariatkan sebagai tanda bersyukur terhadap Allah atas segala nikmat-Nya dan menjadi salah satu ukuran takwa seorang hamba kepada Ilahi," ujarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.